

22/03/2000

Pengundi Sanggang perlu lebih waspada

SEJAK pilihan raya umum kesepuluh diadakan tahun lalu, inilah kali pertama pilihan raya kecil diadakan. Tarikh 1 April ini akan menyaksikan pertemuan satu lawan satu bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang. Selepas penamaan calon semalam, Barisan Nasional (BN) yang mempertahankan kerusi itu akan ditentang oleh calon Pas. Perarakan ratusan bendera parti yang dijulung penyokong dan laungan pelbagai slogan serta nyanyian penyokong parti masing-masing memberi petanda awal bahawa pilihan raya kali ini amat sengit. Mulai sekarang sehingga hari pengundian, kawasan DUN Sanggang akan menjadi perhatian ramai dan medan untuk kedua-dua parti berkempen. BN, Pas serta parti pembangkang lain masing-masing akan menggembleng tenaga, wang ringgit dan jentera pilihan raya untuk memastikan kemenangan. Daripada pemimpin peringkat tertinggi hingga kepada ahli biasa kedua-dua parti, mereka pasti berkampung di Sanggang.

Bagi BN khususnya Umno, kerusi Sanggang yang dimenangi dengan majoriti 1,038 undi tahun lalu mesti dipertahankan. Jika menang lebih besar kali ini, terbukti Umno tetap diterima oleh majoriti rakyat di sebalik pelbagai tindakan memperlekeh Umno oleh pembangkang. Dakwaan Pas bahawa Umno parti yang tidak relevan dapat ditangkis. Kemenangan pilihan raya kecil kali ini juga membolehkan Umno membuktikan bahawa kemerosotan undi yang diterimanya pada pilihan raya umum lalu bukan bermakna parti itu sudah hilang popularitinya.

Pas pula akan berusaha bermati-matian untuk mengecap kemenangan kali ini bagi membolehkan populariti pembangkang terus menyerlah. Berdasarkan kemenangan di Kelantan dan Terengganu pada pilihan raya umum lalu, Pas merasakan penerimaan rakyat terhadap parti itu semakin meningkat. Justeru, dengan bantuan Parti Keadilan Nasional (Keadilan), DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mereka mahu kemenangan besar di Sanggang untuk dijadikan tiket terus memperkecilkan kewibawaan Umno dan mendabik kebolehan mereka. Mereka sedar moral dan sambutan rakyat terhadap pembangkang selepas pilihan raya lama-kelamaan semakin sejuk dan akan berkubur jika dalam pilihan raya kecil pun mereka kalah. Kekalahan di Sanggang pasti menipiskan lagi keyakinan orang Melayu terhadap parti itu. Lantaran, Pas amat mengidamkan kemenangan.

Cuma kita khuatir Sanggang kali ini bukan menjadi medan mengadu kekuatan sokongan sebaliknya pentas menabur pelbagai janji palsu, melemparkan fitnah dan maki-hamun oleh pemimpin pembangkang. Mereka juga memperalatkan isu agama untuk mendapat sokongan. Berbeza dengan BN yang mengutarakan isu pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sejak sembilan pilihan raya umum, kita bimbang penduduk dan pengundi Sanggang diracuni dengan kempen memburuk-burukkan kebolehan kerajaan. Ini pasti akan berlaku. Kita merasakan demikian kerana pembangkang begitu sinonim dengan perbuatan buruk itu. Ini terserlah menjelang pilihan raya umum 1999. Malah pada beberapa pilihan raya kecil lalu, rakyat dikelirukan dengan pelbagai tohmahan dan cerita rekaan.

Bagaimanapun Umno yakin 6,008 pengundi yang memilih Allahyarham Datuk Abdullah Kia pada pilihan raya lalu akan tetap setia menyokong BN kali ini walaupun mereka pasti disogokkan fitnah dan cerita yang diputar-pelitkan sehingga sukar diterima akal. Contohnya, fitnah pembangkang kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarah kerajaan Arab Saudi menangkap rakyat negara ini yang menunaikan haji menggunakan visa umrah, jelas tidak dapat diterima. Apakah kuasa yang ada pada Perdana Menteri sehingga begitu mudah

mengarahkan Arab Saudi yang mempunyai Rajanya sendiri untuk tunduk menerima arahan itu? Lantaran itu, kita mahu pengundi Sanggah lebih berwaspada pada sepanjang musim kempen dan tidak mudah terperangkap dengan strategi Pas melemahkan Umno.

Kepada kira-kira 4,970 pengundi yang menyokong Pas pada pilihan raya lalu, harapan kita agar mereka meneliti semula sokongan sia-sia yang diberikan kepada pembangkang. Sebagai orang Melayu yang cinta kepada perjuangan murni untuk mengangkat martabat bangsa, kita berdoa mereka cepat sedar keadaan itu dan pulang ke pangkal jalan untuk bersama Umno yang sentiasa membuka luas pintunya. Kita kasihan golongan yang masih berkeadaan serba-salah sehingga terus bersama parti itu semata-mata kerana sudah menyeluk pekasam dan terpaksa sampai ke pangkal lengan. Bagaimanapun, mereka masih belum terlambat. Ruang masih ada untuk pulang ke pangkuan Umno.

Kini keputusan terletak kepada pengundi untuk keluar beramai-ramai menjalankan tanggungjawab di negara yang mengamalkan demokrasi. Pada hari itu, mereka sudah tahu dengan pasti siapakah calon yang akan dipilihnya. Kita mengharapkan pengundi menimbang dengan akal warasnya agar tidak tersilap memilih parti yang penuh dengan angan-angan dan calon yang hanya pandai bercakap tetapi gagal mengangkat martabat negara serta taraf sosioekonomi rakyat.

(END)